

NO SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016

SOALAN :

**YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kes jenayah rasuah
di persempadanan negara dari tahun 2010 sehingga September
2016 dan nyatakan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung
Kerajaan akibat masalah rasuah di persempadanan negara.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh antara 2010 hingga September 2016,
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka

sebanyak 60 Kertas Siasatan (KS) yang melibatkan beberapa agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab bagi mengawal sempadan negara. Berdasarkan pecahan mengikut tahun, jumlah KS yang dibuka adalah seperti berikut ;

1. Tahun 2010 dibuka 7 KS
2. Tahun 2011 dibuka 11 KS
3. Tahun 2012 dibuka 6 KS
4. Tahun 2013 dibuka 1 KS
5. Tahun 2014 dibuka 5 KS
6. Tahun 2015 28 KS; dan
7. Sehingga September 2016 dibuka 3 KS.

Selain itu, SPRM turut melaksanakan beberapa siri operasi yang melibatkan anggota penguatkuasa di persempadanan negara. Hasil daripada operasi tersebut sebanyak 37 tangkapan telah dibuat atas kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Tangkapan yang telah dibuat adalah melibatkan :-

1. 7 orang anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP);
2. 23 orang anggota PDRM;
3. Dua orang anggota Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM);

4. 5 orang anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
5. Turut ditahan adalah 5 orang awam (pengusaha stor minyak diesel dan petrol).

Sehingga kini, tiada data sebenar yang dikumpul bagi menentukan jumlah kerugian akibat jenayah rasuah di sempadan. Namun kerugian akibat rasuah tidak hanya berkaitan wang ringgit. Ia juga melibatkan isu keselamatan, sosio politik, kesihatan dan sebagainya yang boleh membawa kesan negatif kepada rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.